

Abdullah Joffri  
Blk 420, #07-1113  
Ang Mo Kio Ave. 10  
Singapore 560420  
Tel: 64565196 / 93202146

14<sup>th</sup> Januari 2014

Puan Julina Khusaini  
Pengurus Besar  
Yayasan Warisan Melayu  
85 Sultan Gate  
Singapura 198501

Assalamualaikum wr. wb.

Puan Julina yang dihormati,

**Perkara: MHF/COR/MISC/01-2014 – Artefak-Artefak Gedung Kuning**

Saya ingin merujuk kepada surat puan yang bertarikh 8 haribulan Januari 2014. Berikut ialah jawapan saya (setelah mendapat penjelasan dari Khir Johari):

1. Puan masih tidak mahu memberikan senarai artefak yang telah saya minta. Khir mengatakan bahawa puan hanya menunjukkan senarai itu kepadanya di pejabat puan tetapi tidak memberikannya satu salinan. Saya percaya yang pihak Yayasan Warisan Melayu (MHF) masih menyimpan senarai tersebut. Diharapkan puan tidak akan mengambil masa 6 bulan lagi untuk memberikan senarai itu kepada saya.
2. Mungkin puan terlupa bahawa saya juga hadir semasa pertemuan pada 21 haribulan dan 31 haribulan Mei 2011. Sepupu saya dan juga pengamanah estet Zhulkeflee Ismail tidak menyertai kedua-dua pertemuan itu, jadi mengapakah saya harus menanya beliau (yang tidak hadir) mengenai perkara ini seperti mana yang puan sarankan?
3. Saya ingin puan merujuk semula kepada minit mesyuarat (saya pasti puan mempunyai salinan minit tersebut). Saya masih ingat lagi bahawa kesemua ahli keluarga yang hadir telah sebulat suara menyatakan bahawa kami mahukan tag penghargaan diletakkan pada artefak tersebut jika pihak MHF masih mahu menggunakannya. Puan Zuraidah Abdullah dalam emelnya kepada anak saudara saya, Hidayah Amin pada 9 April 2012 mengatakan bahawa tag penghargaan tersebut akan dibuat. Artefak yang berada di Mamanda telah berada di situ dari masa Restoran Tepak Sireh lagi. Artefak-artefak tersebut merupakan tanggungjawab pihak MHF. Pihak Mamanda hanya 'mengambil-alih' penempatan barang-barang itu dari Restoran Tepak Sireh. Jika pihak Restoran Tepak Sireh boleh meletakkan tag penghargaan, mengapakah pihak Mamanda tidak boleh? Kenyataan puan yang pihak MHF "*tidak dapat mengarahkan pihak Mamanda untuk meletakkan tag penghargaan*" menunjukkan bahawa pihak MHF tidak mempunyai kuasa dalam pengurusan Gedung Kuning (di mana Mamanda ditempatkan), satu fakta yang tidak benar. Mengapakah puan mengalihkan tanggungjawab pihak MHF kepada pihak Mamanda?

4. Perjanjian penyerahan artefak kami pada 1999 dilakukan antara kami dan pihak Lembaga Warisan Negara (NHB). NHB telah memberikan kami resit-resitnya (R00835, R00840 & R00841). Kini puan mengatakan bahawa artefak tersebut telah dipulangkan kepada keluarga kami pada 10 Julai 2012. Di manakah surat rasmi yang mengatakan hal-perihal ini? Kami masih tidak diberikan surat tersebut.

Rumusannya, saya berharap puan akan:

- a. memberikan saya salinan senarai artefak (termasuk senarai barang-barang yang telah pecah dan musnah semasa di dalam penjagaan pihak MHF)
- b. memberikan saya surat rasmi penyerahan artefak kembali kepada keluarga Haji Yusoff
- c. meletakkan tag penghargaan yang mengatakan bahawa artefak tersebut adalah "Milik keluarga Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor" sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak NHB. Tidakkah ia satu kesopanan masyarakat Melayu untuk mengakui dan menghargai sumbangan orang lain?

Saya berharap puan sebagai pengurus besar MHF akan bertindak secara professional dan menyelesaikan perkara ini secepat mungkin tanpa memberikan alasan-alasan yang tidak munasabah.

Terima kasih.

Yang benar,



Abdullah Joffri  
Pengamanah estet Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor

Salinan surat kepada:

Tuan Lawrence Wong, Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY)

Puan Zuraidah Abdullah, Pengerusi MHF

Tuan Shaun Phua, Timbalan Direktor, Institusi Budaya, NHB

Tuan Haji Zhulkeflee Haji Ismail, Pengamanah estet Haji Yusoff

Tuan Khir Johari, ahli keluarga

Tuan Mohd Idrus Haji Ismail, ahli keluarga

Tuan Alwi Jofrie, ahli keluarga

Tuan Zulkarnine Hafiz dan Puan Masmunah Abdullah, Mamanda